

18 AUG 1999

Mahathir-China

MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI KE CHINA

Oleh: Ali Mamat

BEIJING, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini bagi memulakan lawatan kerja tiga hari ke Republic Rakyat China (RRC).

Ketibaan beliau dengan pesawat khas bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dari Khabarovsk, Rusia di lapangan terbang antarabangsa Beijing pada pukul 2 petang disambut oleh Naib Menteri Luar China Yang Wen Chang.

Turut berada di lapangan terbang ialah Duta Malaysia ke China Datuk Abdul Majid Ahmad Khan.

Perdana Menteri berada di Khabarovsk, ibu wilayah Khabarovskii sebuah wilayah autonomi persekutuan Rusia, untuk lawatan kerja selama tiga hari bermula Isnin lepas (16 Ogos).

Turut tiba bersama Perdana Menteri ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Abdul Hamid Albar dan Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha.

Semasa bercakap pada satu taklimat kepada wartawan Malaysia di sini malam tadi, Abdul Majid berkata sebahagian daripada 22 anggota rombongan Perdana Menteri tiba terus dari Kuala Lumpur semalam.

Mereka termasuk Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Semasa di sini, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya Zhu Rhongji di Dewan Besar Rakyat.

Mereka berdua turut menyaksikan upacara menandatangani beberapa perjanjian kerjasama antara kedua-dua buah negara termasuk dalam bidang kejuruteraan dan sains serta ekonomi.

Abdul Majid berkata Dr Mahathir juga akan melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden China Jiang Zemin di Dalian, kira-kira sejam penerbangan dari sini.

Di samping itu, Dr Mahathir juga akan menyampaikan ucap tama pada forum Malaysia-China anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli).

Beliau juga akan melancarkan promosi barangan buatan Malaysia di sebuah gedung membeli-belah Parkson, anak syarikat kumpulan Lion dari Malaysia, di sini.

Kemuncak aturcara lawatan Perdana Menteri ialah menghadiri sambutan perayaan ulangtahun ke-25 terjalinnya hubungan diplomatik antara Malaysia dan China. Perjanjian itu ditandatangani pada 31 Mei 1974 oleh Perdana Menteri Malaysia kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Perdana Menteri China ketika itu mendiang Chou En-Lai.

-- BERNAMA

AM RON